

Kajian Kewangan Kumpulan

Perbincangan Pengurusan dan Analisis Prestasi Kewangan

Dalam TK2006, Kumpulan terus mencapai perkembangan ketara dalam 3 objektif strategiknya untuk menyampaikan nilai kepada pemegang-pemegang saham kami:

- Peningkatan Keuntungan
- Pengurangan Risiko – Penyusunan semula campuran perniagaan
- Mencapai pulangan atas modal diselaraskan untuk risiko yang berkekalan

Nisbah Kewangan	TK2006	TK2005
Pendapatan sesaham – bersih		
– Asas	17.2 sen	10.8 sen
– Tercair sepenuhnya	16.9 sen	10.7 sen
Aset bersih sesaham	RM2.36	RM2.26
Keuntungan sebelum pencukaian ke atas purata ekuiti pemegang saham	11.2%	7.0%
Keuntungan sebelum pencukaian ke atas purata jumlah aset	1.1%	0.8%
Kadar dividen kasar	5.0%	4.0%
Dividen belum dibayar/dibayar	RM76.7 juta	RM61.4 juta

Dalam lingkungan lima (5) tahun, kami telah muncul sebagai kumpulan perbankan runcit yang ketiga terbesar dalam negara, sejajar dengan tradisi kami dalam perbankan pelaburan. Kini kami mencapai kemajuan yang memuaskan dalam penguasaan pasaran industri insurans.

Dalam surat terakhir kami kepada pemegang-pemegang saham, kami telah menyenaraikan matlamat kami bagi tahun kewangan berakhir 31 March 2006. Komitmen kami bukan sahaja merangkumi pembinaan keupayaan organisasi untuk menunjukkan prestasi dan berkembang dalam tahun kewangan yang akan datang malah ia juga bertujuan untuk muncul sebagai pemain dominan dalam industri perkhidmatan kewangan yang bersaing hebat.

Usaha kami untuk mengukuhkan dan mempelbagaikan pertumbuhan kami dan mengurangkan pendapatan risiko harus mendatangkan pulangan penyelarasan risiko yang lebih baik.


Pulangan keuntungan sebelum pencukaian ke atas ekuiti telah meningkat kepada 11.2% dalam TK2006, pertambahan yang besar dari 7.0% yang dicapai pada TK2005.

Penyata Pendapatan Ringkas

RM Juta	TK2006	TK2005	+/-	
			RM Juta	%
Pendapatan faedah bersih	1,419.9	1,382.4	+ 37.5	+ 2.7
Pendapatan bersih daripada perniagaan perbankan Islam	540.5	436.0	+ 104.5	+ 24.0
Pendapatan berdasarkan dana	1,960.4	1,818.4	+ 142.0	+ 7.8
Lain-lain pendapatan beroperasi	904.0	759.4	+ 144.6	+ 19.0
Jumlah pendapatan	2,864.4	2,577.8	+ 286.6	+ 11.1
Overhed	(1,175.7)	(1,022.2)	- 153.5	- 15.0
Perniagaan insurans	(274.5)	(226.7)	- 47.8	- 21.1
Keuntungan operasi	1,414.2	1,328.9	+ 85.3	+ 6.4
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	(774.7)	(770.5)	- 4.2	- 0.5
Lain-lain peruntukan	(21.2)	(21.5)	+ 0.3	+ 1.4
Masuk kira semula/(Kerugian) kemerosotan nilai	89.6	(45.1)	+ 134.7	+ >100.0
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	2.2	0.8	+ 1.4	+ >100.0
Keuntungan sebelum pencukaian	710.1	492.6	+ 217.5	+ 44.2
Pencukaian	(231.1)	(204.6)	- 26.5	- 12.9
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	479.0	288.0	+ 191.0	+ 66.3
Kepentingan minoriti	(113.5)	(84.0)	- 29.5	- 35.1
Keuntungan bersih	365.5	204.0	+ 161.5	+ 79.2

Komitmen 1: Peningkatan Keuntungan dan Pendapatan Sesaham

Keuntungan Sebelum Pencukaian



Kumpulan telah mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam kedua-dua keuntungan sebelum pencukaian dan keuntungan bersih, berbelakangkan pertumbuhan ekonomi pada 5.3% dalam 2005.

Ia telah mencapai keuntungan sebelum pencukaian berjumlah RM710.1 juta (+44.2%), sementara keuntungan bersih selepas pencukaian telah meningkat 79.2% ke RM365.5 juta kerana peningkatan prestasi ketiga-tiga rangkaian perniagaan yang utama iaitu perbankan komersil dan perbankan runcit, pelaburan dan perniagaan insurans.

Pertumbuhan dalam keuntungan sebahagian besarnya disebabkan oleh:

- Peningkatan dalam pendapatan berdasarkan dana sebanyak 7.8% hasil daripada pertumbuhan yang kukuh dalam pembiayaan runcit dan IKS, tetapi dikurangkan oleh margin faedah bersih yang lebih rendah.
- Peningkatan lain-lain pendapatan operasi sebanyak 19.0% dari pertumbuhan dalam yuran,

premium insurans dan aktiviti perniagaan perbankan pelaburan.


- Peningkatan dalam perbelanjaan operasi sebanyak 16.1% disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan pemasaran untuk meningkatkan volum perniagaan sewa beli dan premium insurans serta peningkatan dalam bilangan kakitangan dan kos pejabat disebabkan transformasi operasi syarikat kewangan kepada perbankan komersil.

Penyumbang terbesar kepada keuntungan Kumpulan ialah operasi perbankan runcit dan komersil (47.5%); diikuti perbankan pelaburan (45.1%) dan perniagaan insurans (7.4%).


Pendapatan sesaham asas mewakili pendapatan Kumpulan dibahagi dengan purata wajaran bilangan saham-saham dalam terbitan.

Peningkatan keuntungan menyebabkan kadar pendapatan sesaham asas yang lebih tinggi iaitu 17.2 sen, berbanding dengan 10.8 sen pada TK2005, peningkatan sebanyak 58.4%.

Keuntungan Selepas Pencukaian Dan Kepentingan Minoriti




Jenis Pendapatan



- Pendapatan faedah bersih
- Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam
- Pendapatan yuran
- Pendapatan pelaburan dan perniagaan
- Pendapatan premium dari insurans am
- Lain-lain pendapatan

Oleh itu, perbincangan pengurusan yang berikut harus dibaca bersama dengan penyata kewangan yang disatukan dan diaudit TK2006 bagi AMMB Holdings Bhd dan syarikat-syarikat subsidiarinya, serta matlamat-matlamat yang telah kami bentangkan pada tahun lepas.

Pendapatan Operasi Mengikut Segmen



Komitmen 2: Perkembangan Pendapatan

Peningkatan pendapatan yang merupakan asas yang paling penting bagi pertumbuhan berkekalan dalam keuntungan, adalah ukuran utama prestasi kami. Ia menggambarkan kejayaan kami meningkatkan perniagaan berulang daripada pelanggan sedia ada dan mendapatkan pelanggan baru.

Pendapatan Kumpulan merangkumi pendapatan dana bersih (pendapatan faedah bersih + pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam) dan lain-lain pendapatan operasi.

Pendapatan berdasarkan dana meningkat sebanyak RM142.0 juta ke RM1,960.4 juta (+7.8%) dihasilkan oleh volum dan margin.

Volum:

- Pinjaman dan pendahuluan bersih meningkat sebanyak RM4.8 bilion (+11.9%). Pertumbuhan disebabkan perkembangan dalam pembiayaan runcit (RM4.9 bilion atau 17.9%), dan pinjaman kepada industri SME (RM1.4 bilion atau 40.1%), sementara pinjaman kepada syarikat-syarikat besar berkurang sebanyak RM1.7 bilion atau 16.2% disebabkan syarikat-syarikat besar terus meneroka pasaran modal.
- Deposit pelanggan bertambah sebanyak RM4.5 bilion, terutamanya disebabkan oleh deposit daripada badan kerajaan (+RM2.2 bilion), individu (RM1.7 bilion) dan perusahaan perniagaan (+RM958.8 juta).

Margin:


- Tekanan terhadap margin faedah terus berlaku sepanjang tahun dengan margin faedah bersih berkurang ke 2.9% berbanding dengan 3.1% pada TK2005. Peningkatan kadar faedah dan saingan dalam industri terutamanya pinjaman runcit, gadaai janji dan sewa beli akan terus menambahkan tekanan ke atas margin faedah.
- Kumpulan terus melancarkan pelbagai strategi bagi mengurangkan tekanan ke atas margin faedah. Ini termasuk:
 - Pemulihan dan bayaran balik NPL;
 - Pemusatan kutipan runcit.
 - Pengurusan aktif aktiviti Perbendaharaan berdasarkan dana Kumpulan; dan lindung nilai pro-aktif portfolio pinjaman kadar faedah tetap.
 - Menggerakkan simpanan “kos-rendah” dan deposit semasa.
 - Meningkatkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sejajar dengan peningkatan kadar dalam industri; dan
 - Memperkenalkan kaedah penentuan harga yang diselaraskan oleh risiko bagi membuat keputusan pinjaman.

Lain-lain pendapatan operasi meningkat 19.0% ke RM904.0 juta. Seperti yang dialami pada masa lepas, perkembangan aktiviti tertentu lain-lain pendapatan operasi ialah strategi yang berterusan bagi mempelbagaikan aliran pendapatan Kumpulan. Kumpulan telah mencapai matlamat nisbah lain-lain pendapatan operasi berbanding pendapatan operasi sekurang-kurangnya 30.0% (TK2005 : 31.6%) secara berterusan.

Lain-lain Pendapatan Operasi

RM Juta	TK2006	TK2005	+/-	
			RM Juta	%
Pendapatan yuran	306.9	314.0	- 7.1	- 2.3%
Pendapatan pelaburan dan perniagaan	198.7	128.2	+ 70.5	+ 55.0%
Pendapatan premium dari insurans am	369.9	286.9	+ 83.0	+ 28.9%
Keuntungan modal timbul dari penerimaan saham Bursa Malaysia Berhad	-	12.7	- 12.7	- 100.0%
Lain-lain pendapatan	28.5	17.6	+ 10.9	+ 61.9%
Jumlah	904.0	759.4	+ 144.6	+ 19.0%

Yuran dan Lain-Lain Pendapatan Operasi



Pendapatan premium daripada perniagaan insurans Kumpulan merupakan 40.9% daripada lain-lain pendapatan operasi dan mencatat peningkatan sebanyak RM83.0 juta (+28.9%) disebabkan peningkatan produktiviti hasil rangkaian agensi yang kukuh dan pengumpulan insurans dengan produk-produk perbankan runcit.

Yuran pendapatan transaksi, termasuk keuntungan dari pertukaran mata wang, caj perkhidmatan dan komisen mencatat peningkatan yang ketara disebabkan penekanan dan tumpuan sumber-sumber untuk meningkatkan lagi infrastuktur perkhidmatan pembayaran Kumpulan dan perkhidmatan berkaitan perdagangan yang komprehensif serta pengurusan pelaburan dan dana.

Yuran berkaitan perbankan pelaburan meningkat sebanyak RM18.7 juta (+7.7%), terutamanya disumbangkan oleh aktiviti pasaran modal bersindiketan, nasihat korporat, tata jamin, pemulaan bon korporat dan aktiviti pengurusan dana. Peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan pendapatan brokeraj dari perniagaan sekuriti kerana volum dan nilai ekuiti yang diniaga di Bursa Malaysia berkurang dalam FY2006.

Pelaburan dan pendapatan perdagangan meningkat sebanyak RM70.5 juta (+55.0%) disebabkan keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi yang besar dari aktiviti perdagangan di pasaran wang dan bon korporat.

Komitmen 3: Memperbaiki Kecekapan – Mengurangkan Nisbah Overhed Berbanding Jumlah Pendapatan

Mengawal kos dan memastikan bahawa Kumpulan menjalankan operasi dengan cekap adalah salah satu cara Kumpulan memaksimumkan pulangan kepada para pemegang saham. Nisbah kos kepada perbelanjaan menunjukkan perbelanjaan Kumpulan sebagai peratusan pendapatan dan merupakan ukuran kecekapan yang kerap digunakan dalam industri perbankan untuk mengukur kecekapan.


Dalam TK2006, nisbah kos kepada pendapatan (tidak termasuk keputusan perniagaan insurans) masih stabil pada 41.0%, meningkat hanya 1.3%. Oleh kerana syarikat insurans berada dalam fasa pertumbuhan yang pesat, nisbah perbelanjaan bukan faedah, termasuk perniagaan insurans tidak

mencerminkan kecekapan sebenar perniagaan perbankan Kumpulan.

Overhed meningkat sebanyak RM153.5 juta (+15.0%), terutamanya disebabkan oleh aktiviti-aktiviti berikut:

- Perbelanjaan pemasaran dan komunikasi meningkat sebanyak RM46.4 juta (+17.5%) disebabkan oleh kos pemerolehan perniagaan, pemasaran, pengiklanan dan perbelanjaan promosi di perbankan runcit yang lebih tinggi:
 - pinjaman sewa beli meningkat sebanyak RM2.1 bilion kepada RM9.5 bilion dalam tahun kewangan. Secara efektif, terdapat komisen belum bayar yang dikenali sebagai yuran pengendalian sebanyak RM600 setiap kenderaan yang dibiaya, yang akan dibayar kepada agen kenderaan motor.
 - kos pemerolehan kad kredit, di mana jumlah kad kredit dalam kitaran meningkat sebanyak 23.3% kepada 446,000 kad pada Mac 2006 (2005:362,000 kad).

Perbelanjaan Operasi



- Perbelanjaan perjawatan meningkat sebanyak RM84.5 juta hasil daripada kenaikan gaji tahunan dan penjajaran gaji kakitangan syarikat kewangan dengan skala gaji dalam bank komersil serta pengambilan 307 kakitangan baru disebabkan perkembangan dalam aktiviti perbankan runcit.
- Perbelanjaan berkaitan dengan teknologi meningkat RM10.3 juta disebabkan pelbagai inisiatif perniagaan yang diambil oleh


AmBank seperti menaik taraf infrastruktur perbankan komersil di cawangan-cawangan, pelancaran sistem pinjaman korporat baru, sistem pengurusan wang tunai dan sistem ledger am.

- Pelunasan ihsan (+RM12.5 juta) disebabkan penswastaan 37.0% pegangan saham di AMFB Holdings Berhad, dan pemerolehan 30.0% pegangan saham minoriti dalam Bahagian Pengurusan Dana yang dahulunya dipegang oleh Macquarie Bank Limited, Australia.


Komitmen 4: Pertumbuhan Kunci Kira-kira

Jumlah aset meningkat 16.3% atau RM10.1 bilion kepada RM72.3 bilion, terus mengukuhkan kedudukan kami sebagai kumpulan perbankan kelima terbesar di negara. Peningkatan dalam jumlah aset menggambarkan perkembangan dalam pinjaman dan pendahuluan, pelaburan dan perdagangan sekuriti serta penempatan dengan institusi-institusi kewangan berbelakangkan pertumbuhan GDP yang kukuh sebanyak 5.3%.

Jumlah Aset Mengikut Jenis Perniagaan



Analisis Campuran Aset




- Pinjaman pelanggan dan pendahuluan, selepas menolak peruntukan terkumpul bersih meningkat sebanyak RM4.8 bilion, peningkatan sebanyak 11.9% jika dibanding dengan TK2005. Pertambahan pinjaman sebahagian besarnya di sumbangkan oleh permintaan tinggi pinjaman terutamanya dari sektor runcit dan IKS.

- Kumpulan mengawasi portfolio untuk tumpuan risiko dan had mantap di mana perlu. Pembiayaan bagi pembelian kenderaan (40.9%) dan harta perumahan (19.7%) mewakili tumpuan kredit terbesar tetapi risiko kredit diimbangi dengan

efektif apabila ia disebarikan kepada bilangan peminjam runcit. Kumpulan mengekalkan kedudukannya sebagai pembiaya kenderaan terbesar di industri tempatan dengan mendominasi pasaran saham lebih kurang sebanyak 23.0%.

RM Bilion	TK2006	TK2005	TK2004
Pinjaman bersih	44.8	40.0	38.5
Pertumbuhan pinjaman bersih	11.9%	4.0%	1.3%
Pertumbuhan pinjaman kasar	13.5%	6.2%	0.1%
Faedah margin bersih	2.9%	3.1%	3.3%

Pinjaman Kasar – Pendedahan Industri



Deposit Dari Pelanggan


RM Bilion	TK2006	%	TK2005	%
Individu	19.9	51.1	18.2	52.9
Perusahaan Perniagaan	12.9	33.1	11.9	34.6
Kerajaan	5.0	12.9	2.8	8.1
Lain-lain	1.1	2.9	1.5	4.4
Jumlah	38.9	100.0	34.4	100.0
Pembiayaan antara bank bersih	9.0		7.6	
Nisbah pinjaman kepada deposit dan pinjaman	71.5%		73.8%	

- Sekuriti dipegang untuk jualan berkembang sebanyak 36.8% kerana menjangka aktiviti akan meningkat hasil daripada pengeluaran penepatan matawang, dan mewakili 8.4% dari jumlah aset.
- Sumber utama pembiayaan Kumpulan ialah daripada deposit pelanggan, deposit terma/pelaburan, deposit simpanan, deposit semasa atau instrumen deposit boleh niaga. Sumber-sumber utama yang lain termasuk dana pemegang saham, lain-lain sekuriti menanggung faedah, pinjaman antara bank dan lain-lain pinjaman.
- Deposit dari pelanggan meningkat sebanyak RM4.5 bilion kepada RM38.9 bilion pada Mac 2006 bagi membiayai perkembangan aktiviti-aktiviti pinjaman.
- Deposit terma/pelaburan kekal sebagai komponen terbesar deposit dari pelanggan yang mewakili 82.7% deposit dari pelanggan pada 31 Mac 2006.


Sebagai petunjuk bahawa polisi pengurusan risiko dan kaedah telah berkesan ialah peningkatan kualiti pinjaman aset kumpulan:

- NPL bersih Kumpulan ke atas nisbah Pinjaman Bersih (klasifikasi 3 bulan) menurun kepada 9.6% pada TK2006 daripada 13.8% pada tahun sebelumnya.
- Jumlah NPL tidak berbayar kasar menurun kepada RM6.1 bilion pada TK2006 (TK2005: RM7.6 bilion). Pengurangan mutlak NPL melalui penstrukturan semula, pemulihan, penjadualan semula dan perampasan terus merupakan matlamat utama bagi kedua-dua unit Pemulihan Pinjaman Kumpulan dan Unit Pungutan Runcit. Seterusnya, pemusatan pungutan runcit dan kenaikan taraf pusat-pusat panggilan pada Disember 2004 telah membolehkan pelancaran awal strategi pengutipan. Selain itu, pertambahan kecairan dalam

Deposit




NPL Mengikut Jenis Sekuriti




Komitmen 5: Risiko Pengurangan – Mengubah Campuran Perniagaan

Sejajar dengan komitmen kami terhadap pertumbuhan pendapatan, kami juga memberi tumpuan terhadap pengurangan dan pengurusan risiko yang dihadapi oleh perniagaan Kumpulan. Ini adalah bagi memastikan Kumpulan akan dapat memberi pulangan pelarasan risiko yang memuaskan kepada pemegang saham.


NPL – Klasifikasi 3 Bulan



Portfolio Pinjaman



Nisbah Modal



kedua-dua pasaran harta tanah dan pasaran ekuiti telah memudahkan realisasi koleteral.

- Jumlah peruntukan NPL Kumpulan (tidak termasuk peruntukan am) menurun dari RM742.0 juta pada TK2005 ke RM682.5 juta pada TK2006, menggambarkan peningkatan kualiti aset.
- Kumpulan telah mengeneipkan peruntukan tertentu bernilai RM227.5 juta pada TK2006 (TK2005: RM244.7 juta) bagi NPL tujuh (7) tahun dan ke atas, di mana tiada nilai diberi kepada koleteral.

Kami juga telah menggunakan pelbagai kaedah bagi mengurangkan risiko kredit dalam portfolio pinjaman melalui pengimbangan semula portfolio pinjaman Kumpulan dari sebagai peminjam korporat kepada peminjam runcit yang utama. Pada masa yang sama, struktur pendanaan telah diubah, dengan hampir 51.1% deposit telah digerak dari pelanggan runcit. Pengimbangan kedua-dua portfolio pinjaman dan struktur pembiayaan telah meningkatkan pendapatan Kumpulan.

Pinjaman Mengikut Sektor

	TK2006	TK1999
Runcit	68.0%	27.0%
IKS	10.0%	5.0%
Korporat	22.0%	68.0%

- Pantulan daripada pertumbuhan pesat francais perbankan runcit, pinjaman runcit meliputi 68.0% jumlah pinjaman aset Kumpulan. Di dalam persekitaran di mana setengah daripada populasi penduduk lebih muda dari tiga puluh tahun dan pendapatan boleh guna meningkat, portfolio pinjaman runcit kami boleh berkembang pada masa hadapan terutamanya pinjaman kenderaan, gadai janji, kad kredit dan segmen produk-produk pelaburan di mana Kumpulan mempunyai francais yang kukuh.
- Pertumbuhan pesat pasaran modal telah mempercepatkan proses penguliran di mana peminjam korporat yang lebih besar mempunyai keupayaan bagi membiayai pinjaman jangka panjang dengan lebih murah. Justeru itu, TK 2006 mengalami penurunan 13.8% dalam jumlah pinjaman belum dijelas kepada syarikat-syarikat besar, menurun

kepada RM10.4 bilion sejak tahun sebelumnya (TK 2005: RM12.0 bilion).

- Satu daripada manfaat pengubahan 171 cawangan-cawangan syarikat kewangan kepada cawangan-cawangan perbankan komersil ialah perkembangan pesat pinjaman IKS sebanyak RM1.4 bilion atau 40.1% di mana pelanggan masih bergantung kepada pembiayaan bank dan produk-produk pinjaman tradisional bagi modal kerja dan pembiayaan perkembangan perniagaan. Segmen IKS ialah pasaran asli bagi pembiayaan dagangan dan produk pengurusan tunai perbankan komersil.

Transformasi cawangan-cawangan syarikat kewangan pada TK 2006 kepada cawangan-cawangan perbankan komersil sepenuhnya telah meningkatkan keupayaan Kumpulan bagi menurunkan kos pendanaannya.

- Deposit semasa meningkat sebanyak RM223.9 juta ke RM1.7 bilion pada akhir Mac 2006.
- Pada masa akan datang, Kumpulan melancarkan perkhidmatan pengurusan wang tunai pada awal 2006 bagi mendapatkan baki

penjelasan pelanggan korporat yang besar dan IKS hasil dari pembayaran dan aktiviti-aktiviti pengutipan.

Komitmen 6: Mengukuhkan Kedudukan Modal

Kumpulan menganggap modal pemegang-pemegang saham sebagai sumber yang sukar didapati dan perlu diuruskan dengan cekap dan sempurna. Dasar modal yang kukuh adalah penting dalam mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan dan pemegang saham Kumpulan.

Dengan pengimbangan progresif pembiayaan portfolio yang lebih berat kepada pembiayaan pelanggan di mana kebiasaannya kurang intensif modal daripada pembiayaan korporat, nisbah modal risiko berwajaran pada 31 Mac 2006 berada pada 13.94% dengan nisbah modal tahap 1 pada 9.96%, nyata sekali melebihi keperluan minima iaitu 8.0%. Pengimbangan semula ini membenarkan kami mengurangkan jumlah modal yang diperlukan untuk dipegang sebagai sebahagian daripada aset berwajaran risiko.

Dalam tahun kewangan, AmBank telah muncul sebagai bank domestik

yang kedua memasuki pasaran modal antarabangsa untuk mendapat Dolar Amerika 200.0 juta (RM684.0 juta) dalam Modal Hibrid Tahap Satu.

Kesimpulan


Pencapaian dalam tahun kewangan ini telah membuktikan bahawa Kumpulan telah menyempurnakan komitmen dan kesemua usaha kami mulai mendatangkan hasil.

Memandangkan keputusan kewangan yang cemerlang dalam TK 2006, Kumpulan bercadang meningkatkan

pembayaran dividen kepada 5.0%, ditolak cukai (TK 2005: 4.0%, ditolak cukai) atau RM76.7 juta, bersamaan 21.0% keuntungan bersih dan sejajar dengan polisi pembayaran sehingga 25.0% dari keuntungan bersih sebagai dividen.

Kumpulan percaya bahawa inisiatif yang berterusan dan kaedah-kaedah yang dilancarkan bersama dengan pelaburan semula sebahagian daripada keuntungan tahun semasa akan diterjemahkan kepada pendapatan yang lebih kukuh dan pertumbuhan kunci kira-kira pada masa hadapan.

AMMB Holdings Berhad – Prestasi Harga Saham



Penarafan Kredit

Kesan dari pemulihan dalam prestasi kewangan, pelbagai agensi penarafan telah meningkatkan penarafan kredit subsidiari-subsidiari utama, AmBank (M) Berhad dan AmMerchant Bank Berhad.

	AmBank (M) Berhad		AmMerchant Bank Berhad	
	Jangka Panjang	Jangka Pendek	Jangka Panjang	Jangka Pendek
Rating Agency Malaysia Bhd (“RAM”)	A2	P1	AA3	P1
Malaysian Rating Corporation Bhd (“MARC”)	Tidak ditaraf		A+	MARC-1
Standard & Poor’s (“S&P”)	BBB-	A-3	BB+	B
Capital Intelligence	Tidak ditaraf		BB	B
Fitch Ratings Singapore Pte Ltd (“Fitch”)	BBB-	F3	BB+	B
Moody’s Investor Service	Baa2	P3	Tidak ditaraf	

Bon 3% 5-Tahun Jaminan Bank Boleh Tebus dan Tidak Bercagar Syarikat bernilai RM150 juta dengan Waran yang boleh diceraikan telah diberi penarafan jangka panjang AAA(bg) dan AA3(bg) bagi Tahap 1 RM100.0 juta dan Tahap 2 RM50.0 juta oleh RAM.

Bon Bersubordinat Tidak Bercagar Boleh Ditebus AmMerchant Bank bernilai RM460.0 juta dan RM200.0 juta Bon Bersubordinat Tahap 2 telah diberikan penarafan jangka panjang A1 oleh RAM.

Sekuriti Hibrid bernilai Dolar Amerika 200.0 juta terbitan AmBank (M) telah diberi penarafan Ba2/BB/BB oleh Moody’s/ Fitch/ S&P.

Bon Bersubordinat Tidak Bercagar Boleh Ditebus AmBank (M) bernilai RM200.0 juta diberi penarafan A3 yang telah diperakui semula oleh RAM.

Tinjauan Ekonomi

Ulasan dan Tinjauan Ekonomi Malaysia


Perkembangan Tahun 2005

Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih perlahan pada tahun 2005 dalam persekitaran harga minyak yang tinggi dan kitaran elektronik global di paras rendah. Akibatnya, eksport dan permintaan domestik telah berkembang dengan perlahan. Berbanding 7.2% pada tahun 2004, KDNK sebenar tumbuh pada kadar 5.2% pada tahun 2005. Di samping itu, inflasi melonjak kepada 3.0%, tahap tertinggi semenjak 1998.

Pada masa yang sama, akaun semasa imbalan pembayaran tahun 2005 mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM75.3b atau 16.0% daripada KDNK berbanding RM56.5b atau 13.3% daripada KDNK pada tahun sebelumnya. Ini mencerminkan lebihan dalam imbalan sumber ekonomi.

Dalam tahun 2005, rizab luaran telah menyaksikan penambahan yang kecil sebanyak RM12.9 bilion (atau US\$3.8 bilion) kepada RM266.4 bilion (atau US\$70.5 bilion) berbanding dengan RM82.9 bilion (atau US\$21.8 bilion) kepada RM253.5 bilion (atau US\$66.7 bilion) pada tahun 2004. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh aliran keluar portfolio dan lain-lain modal jangka pendek. Akibatnya, kecairan sektor swasta atau M3 telah mencatatkan perkembangan yang lebih kecil pada kadar 7.3% atau RM49.7 bilion pada tahun lepas berbanding 12.4% atau RM68.0 bilion pada tahun 2004.

Carta 1: KDNK, Permintaan Domestik Agregat & Eksport (% YoY)



Walaupun kecairan sektor swasta berkembang, kadar faedah adalah lebih tinggi lanjutan dari keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar dasar semalaman sebanyak 30 mata asas kepada 3.0% pada 30 November.

Sementara itu, nilai Ringgit pada akhir tahun lalu meningkat 0.5% iaitu lebih tinggi daripada 3.7800 berbanding Dolar US setelah BNM mengkaji semula dasar kadar pertukaran dan menukarnya kepada dasar apungan terurus pada 21 Julai.

Keadaan Permintaan

Agregat permintaan domestik (termasuk perubahan dalam stok) tumbuh dengan lebih perlahan pada kadar 4.3% pada tahun 2005 berbanding dengan 10.8% pada tahun sebelumnya. Ini kerana tahap inventori yang lebih rendah akibat dari keluaran dan import yang menurun yang disebabkan oleh eksport yang semakin perlahan. Akibatnya, sumbangan agregat permintaan domestik kepada KDNK jatuh kepada 4.0 mata peratusan (mp) daripada 9.6 mp pada tahun lalu.

Jadual 1 : KDNK Sebenar Mengikuti Agregat Permintaan

% Perubahan	2001	2002	2003	2004	2005	2006F
Penggunaan	5.4	5.8	7.7	9.5	8.3	5.8
Awam	17.3	10.4	11.4	6.2	5.4	2.7
Swasta	2.4	4.4	6.6	10.5	9.2	6.8
Pelaburan (tanpa stok)	-2.8	0.3	2.7	3.1	4.7	7.3
Awam	14.5	11.2	3.9	-8.7	0.3	5.0
Swasta	-19.9	-15.1	0.4	25.8	7.2	10.4
Agg. Per. Domestik	2.5	3.9	6.1	7.5	7.3	6.3
Awam	15.7	10.9	7.2	-2.1	3.1	3.8
Swasta	-3.3	0.3	5.5	13.1	9.5	7.5
Eksport	-7.5	4.5	5.7	16.3	8.6	7.8
Import	-8.6	6.3	4.2	20.7	8.0	9.7
KDNK Sebenar	0.3	4.4	5.5	7.2	5.2	5.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalan f: AmlInvestment Group Berhad (AIGB)

Walaupun begitu, tanpa mengira stok, permintaan domestik berkembang pada kadar 7.3% berbanding dengan 7.5% dalam tahun sebelumnya. Penggunaan swasta terus kukuh dengan pertumbuhan pada kadar 9.2% dalam keadaan di mana peluang pekerjaan yang bertambah, pendapatan yang meningkat, dan disokong oleh kedudukan kecairan yang tinggi dan kadar faedah yang rendah.

Walaupun pelaburan swasta menunjukkan kesederhanaan, pembentukan modal secara keseluruhan dalam tahun 2005 mencatatkan pertumbuhan 4.7% berbanding dengan 3.1% dalam tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada peningkatan

dalam pelaburan awam lanjutan dari pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-8. Seterusnya, sumbangan pembentukan modal kepada pertumbuhan KDNK telah meningkat kepada 1.3 mp daripada 0.9 mp dalam tahun 2004. Sementara itu, eksport barangan dan perkhidmatan berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 8.6% berbanding dengan 16.3% pada tahun 2004, akibat pertumbuhan sektor teknologi maklumat yang lembab. Sementara itu, import merosot kepada 8.0% (2004 : 20.7%) dan ini menyebabkan lebih dagangan yang lebih besar sebanyak RM99.8 bilion berbanding RM80.7 bilion pada tahun 2004. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam import barang perantara mencerminkan prestasi sektor teknologi maklumat

yang hambar. Justeru, sumbangan eksport bersih kepada pertumbuhan KDNK kembali positif kepada 1.3 mp daripada -2.4 mp pada tahun 2004. Walaupun penguncupan import telah memberi kesan negatif kepada kedudukan inventori dalam tahun 2005, namun ia telah membantu mengukuh imbalan akaun semasa luaran yang mencatat lebih yang ketara sebanyak RM75.3 bilion atau 16.0% dari KNK berbanding dengan RM56.5 bilion atau 13.3% pada tahun 2004. Ini menggambarkan lebih sumber dalam ekonomi bilamana pelaburan kasar (termasuk stok) sebagai peratusan KNK merosot kepada 20.8% (2004 : 24.0%) berbanding dengan simpanan negara pada kadar 36.8% (2004 : 37.3%). Dengan yang demikian, ekonomi telah berkembang di bawah tahap optimum. Akhirnya, imbalan pembayaran keseluruhan telah bertambah sebanyak RM12.8 bilion, dan ini telah menambahkan rizab luaran kepada RM266.4 bilion atau US\$70.5 bilion pada akhir 2005 daripada RM253.5 bilion (atau US\$66.7 bilion) pada akhir 2004. Ini cukup untuk membiayai import negara selama 7.7 bulan dan cukup untuk mengambil kira hutang-hutang jangka pendek sebanyak 6.3 kali. Walau bagaimanapun, pengumpulan rizab pada tahun 2005 adalah lebih kecil berbanding dengan kenaikan RM82.9 bilion atau US\$21.8 bilion yang dicatat dalam tahun sebelumnya lanjutan dari imbalan akaun kewangan yang negatif akibat dari aliran keluar modal.

Pada tahun 2005, pelaburan portfolio menunjukkan aliran keluar bersih sebanyak RM9.2 bilion berbanding aliran masuk sebanyak RM33.8 bilion dalam tahun 2004. Pembayaran hutang-hutang luaran oleh Kerajaan dan sektor swasta juga telah menyumbang kepada peningkatan jumlah aliran keluar dana pada tahun 2005.

Jadual 2: Sumbangan Kepada Pertumbuhan Mengikut Permintaan

% Mata Peratusan	2001	2002	2003	2004	2005	2006F
Penggunaan	3.0	3.4	4.7	5.8	5.2	3.8
Awam	2.0	1.4	1.6	0.9	0.8	0.4
Swasta	1.1	2.0	3.1	4.9	4.4	3.4
Pelaburan (tanpa stok)	-0.9	0.1	0.8	0.9	1.3	2.0
Awam	2.2	2.0	0.7	-1.6	0.5	0.7
Swasta	-3.1	-1.9	0.0	2.5	0.8	1.3
Stok	-2.2	2.1	-2.0	2.9	-2.9	1.2
Agg. Per. Domestik	2.2	3.5	5.4	6.7	6.5	5.7
Awam	4.2	3.3	2.3	-0.7	0.9	1.1
Swasta	-2.0	0.2	3.1	7.4	5.7	4.6
Eksport	-8.8	4.8	6.2	17.7	10.1	9.5
Import	-9.1	6.1	4.2	20.1	8.8	10.9
Eksport Bersih	0.3	-1.3	2.0	-2.4	1.3	-1.4
KDNK Sebenar	0.3	4.4	5.5	7.2	5.2	5.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalam f: AIGB

Jadual 3: Imbalan Pembayaran

RM Bilion	2002	2003	2004	2005	2006F
Baki Akaun Semasa	30.5	50.6	56.5	75.3	81.8
% KNK	9.0	13.6	13.3	16.0	15.7
Imbalan Perdagangan	72.1	97.8	104.5	126.5	130.3
Imbalan Perkhidmatan	-6.0	-15.3	-8.8	-10.3	-10.9
Imbalan Pendapatan	-25.1	-22.5	-24.5	-23.9	-21.1
Permindahan Bersih	-10.6	-9.3	-14.6	-17.0	-16.5
KDNK Sebenar (% YoY)	4.4	5.4	7.1	5.3	5.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalam f: AIGB

Keadaan Penawaran

Tanpa mengambil kira sektor pembinaan, kesemua sektor dalam ekonomi mencatatkan perkembangan dan telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan KDNK dalam tahun 2005. Sektor pembuatan dan perkhidmatan terus menjadi teras ekonomi negara. Sementara sektor perkhidmatan terus kukuh dengan pertumbuhan 6.5% berbanding dengan 7.0% dalam tahun 2004, sektor pembuatan pula mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 5.1% berbanding dengan 9.8% pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan dalam tahun ini telah disokong oleh penggunaan swasta yang teguh dan peningkatan dalam jumlah pelancong. Perkembangan dalam sektor pembuatan adalah berpunca dari perubahan positif dalam industri elektronik global. Walaupun dalam separuh tahun pertama tahun ini sektor pembuatan telah mengalami pertumbuhan pengeluaran yang perlahan, namun sektor ini kembali pulih apabila industri-industri berdasarkan eksport kembali kukuh. Dalam tempoh ini, jualan semikonduktor kembali kukuh lanjutan dari permintaan yang meningkat.

Nilai tambah dalam sektor pertanian mencatat peningkatan yang sederhana pada kadar 2.5% pada tahun 2005. Pengeluaran minyak kelapa sawit yang lebih tinggi telah ditimbal dengan prestasi lemah sub-sektor lain seperti getah. Sementara itu, pertumbuhan sederhana dalam sektor perlombongan adalah berpunca dari penutupan pelantar dan kilang penapisan minyak untuk tujuan penyelenggaraan.

Nilai tambah dalam sektor pembinaan terus merosot bagi dua tahun berturut-turut pada kadar 1.6% (2004: -1.5%), mencerminkan kekurangan projek-projek prasarana dan selaras

dengan matlamat Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskalnya. Selain daripada berkurangnya projek-projek di sektor awam sub-sektor kediaman dan bukan kediaman terus berkembang lanjutan dari permintaan kental untuk ruang pejabat dan runcit.

Jadual 4: GDP Benar Mengikut Sektor

% Perubahan	2001	2002	2003	2004	2005	2006F
Pertanian	-0.6	2.8	5.5	5.0	2.5	3.3
Perlombongan	-1.5	4.3	5.8	3.9	0.8	0.2
Pembuatan	-5.9	4.3	8.6	9.8	5.1	6.6
Pembinaan	2.1	2.0	1.5	-1.5	-1.6	0.2
Perkhidmatan	6.0	6.5	4.7	7.0	6.5	5.9
KDNK Sebenar	0.3	4.4	5.5	7.2	5.2	5.5


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalan f: AIGB

Jadual 5: Sumbangan Kepada Pertumbuhan Mengikut Sektor

% Mata Peratusan	2001	2002	2003	2004	2005	2006F
Pertanian	-0.1	0.2	0.5	0.4	0.2	0.3
Perlombongan	-0.1	0.3	0.4	0.3	0.1	0.0
Pembuatan	-1.9	1.3	2.5	3.0	1.6	2.1
Pembinaan	0.1	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkhidmatan	3.2	3.7	2.6	4.0	3.7	3.4
Item lain	-0.9	-1.2	-0.7	-0.5	-0.4	-0.3
KDNK Sebenar	0.3	4.4	5.5	7.2	5.2	5.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Ramalan f: AIGB

Carta 2 : KDNK, Pembuatan, Perkhidmatan (% YoY)



Prospek Tahun 2006

Keadaan Permintaan

Ekonomi Malaysia dijangka akan kukuh pada tahun 2006 dengan KDNK benar diunjurkan tumbuh pada kadar 5.5% dengan didokong oleh eksport dan disokong oleh permintaan domestik. Kitaran semikonduktor di peringkat global yang semakin kukuh yang bermula pada separuh tahun kedua 2005 telah membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi dunia. Harga barangan komoditi yang semakin meningkat juga dijangka akan mempunyai kesan positif terhadap prestasi eksport Malaysia dalam tahun 2006. Keseluruhannya, pertumbuhan eksport dianggarkan pada kadar 7.8% berbanding dengan 8.6% pada tahun 2005.

Pengukuhan permintaan luaran juga mempunyai kesan positif ke atas permintaan domestik. Dalam tahun 2006 agregat permintaan domestik diunjurkan akan meningkat kepada 7.6% daripada 4.3% dalam tahun 2005 berikutan stok yang meningkat dan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Pengguna swasta dijangka tumbuh pada kadar 6.8% berikutan daripada pendapatan yang bertambah selari dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik serta suasana pekerjaan dan harga barangan komoditi yang lebih baik.

Permintaan luaran yang menggalakkan dan pengukuhan aktiviti ekonomi dalam tahun 2006 akan juga memberi rangsangan kepada pelaburan swasta yang dijangka berkembang pada kadar 9.3%. Sebahagian besar pelaburan swasta dalam tahun 2006 dijangka berpunca daripada sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Di samping itu, pelaksanaan projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) akan juga membantu untuk menambah perbelanjaan sektor swasta.

Keadaan Penawaran

Pertumbuhan penawaran dijangka seimbang dengan semua sektor akan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan KDNK. Sektor pembuatan dan perkhidmatan dianggarkan akan menyumbang 5.5 mp kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK dan merupakan 90.0% daripada ekonomi. Nilai tambah sektor pembuatan juga dijangka meningkat kepada 6.6% dalam tahun 2006 (2005: 5.1%), didahului oleh sektor elektrik dan elektronik (E&E) berikutan pemulihan dalam industri semikonduktor di peringkat global. Pengembangan dalam sektor ini juga diperkukuhkan oleh permintaan domestik yang teguh untuk lain-lain barangan pembuatan dan sektor pembinaan yang bertambah baik.

Sektor perkhidmatan dijangka terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan pada kadar 5.9% dalam tahun 2006. Peningkatan dalam sektor ini didokong oleh aktiviti-aktiviti dalam sektor pembuatan dan aktiviti-aktiviti perniagaan secara menyeluruh. Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti pelancongan domestik dijangka akan terus meningkat menerusi usaha-usaha persiapan untuk Tahun Melawat Malaysia 2007.

Sasaran kerajaan untuk menarik 17.5 juta pelancong dalam tahun 2006 akan menyumbang kepada pertumbuhan pesat perniagaan borong dan runcit, sub-sektor hotel dan restoran. Sementara itu, permintaan untuk pembiayaan perniagaan dan lain-lain kredit dijangka meningkat dalam tahun 2006 dengan pertumbuhan yang kukuh dalam sektor pembuatan dan aktiviti-aktiviti perdagangan.

Sektor pertanian pula diramalkan tumbuh pada kadar 3.3% dalam tahun 2006 lanjutan dari pengeluaran yang lebih tinggi komoditi utama terutamanya kelapa sawit yang menyumbang 1/3 daripada nilai ditambah sektor pertanian. Pelaksanaan beberapa program-program di bawah RMK9 akan turut membantu sektor ini untuk berkembang dalam tahun 2006. Sektor perlombongan pula dalam tahun 2006 dijangka tumbuh pada kadar 0.2% berikutan daripada penambahan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli sebagai gerak balas kepada peningkatan dalam permintaan dan harga yang lebih tinggi.

Selepas merosot selama dua tahun berturut-turut, kedudukan sektor pembinaan dijangka pulih dalam tahun 2006 dan mencatatkan pertumbuhan pada kadar 0.2% hasil pelaksanaan projek-projek di bawah RMK9. Pertumbuhan dalam sektor ini akan disokong oleh sub-sektor kediaman dan bukan kediaman lanjutan daripada keadaan pembiayaan yang menggalakkan serta kepesatan pelbagai aktiviti perniagaan.

Inflasi, Dasar Kewangan dan Kadar Pertukaran

Negara mencatat kadar inflasi pada kadar 3.0% pada tahun 2005 berbanding dengan 1.4% pada tahun 2004, kadar tertinggi semenjak 1998 (5.1%). Inflasi yang tinggi ini dikaitkan dengan peningkatan kos berikutan harga minyak antarabangsa yang tinggi. Dalam tahun 2005, purata harga minyak adalah US\$56.50 setong, melonjak 33.0% daripada US\$42.48 setong dalam tahun 2004. Walaupun inflasi tinggi, kerajaan terus




mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif dan menetapkan kadar-kadar faedah di tahap rendah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Apabila kedudukan ekonomi mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku ketiga dan keempat dan risiko-risiko inflasi meningkat, BNM telah menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 30 mata asas kepada 3.0% pada 30 November. Ini merupakan pelarasan kali pertama semenjak kadar dasar semalaman diperkenalkan pada 26 April 2004 sebagai petunjuk dasar kewangan. Sebelumnya BNM telah menggantikan rejim kadar tukaran tetap dengan apungan terurus pada 21 Julai. Ringgit menambah nilai kepada 3.746 berbanding Dolar US pada bulan Ogos dan berakhir pada 3.78 di hujung 2005. Ini kerana Dolar mengukuh sebagai gerak balas

kepada kadar Fed Fund (US Federal fund rate) yang lebih tinggi. Ringgit juga mendapat kesan daripada aliran keluar modal.

Jangkaan Ringgit bertambah nilai oleh kenaikan kadar faedah telah menarik aliran masuk modal semenjak awal tahun ini. Akibatnya, rizab luaran Malaysia menunjukkan kenaikan. Pada Januari hingga Mei tahun ini, rizab luaran telah meningkat sebanyak US\$8.2 bilion kepada US\$78.67 bilion berbanding dengan penurunan sebanyak US\$8.17 bilion dalam lima bulan terakhir tahun lepas. Ringgit juga mengukuh berbanding Dolar US dan mencapai tahap 3.60 pada bulan Mei. Dolar US yang lemah dan aliran masuk modal akan menolak Ringgit ke paras 3.50 pada tahun ini. Pengukuhan Ringgit akan membantu ekonomi kerana ia akan menyumbang

kepada mengurangkan kos import dan menyederhanakan tekanan inflasi domestik. Namun, inflasi diramalkan meningkat ke paras 4.0% tahun ini, akibat harga barangan petroleum yang lebih tinggi. Separuh tahun yang pertama tahun ini mungkin akan melihat kadar inflasi naik kepada 4.0% sebelum kekal pada paras 3.9% dalam separuh tahun yang kedua. Oleh yang demikian kadar faedah domestik perlu untuk dilaraskan. BNM pada tarikh 26 April telah menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.50%. Walaupun kadar faedah yang tinggi tidak mapan untuk membendung inflasi kerana ianya adalah berkaitan dengan kos, namun ia akan menaikkan pulangan ke atas deposit dan yang lebih penting lagi menstabilkan aliran-aliran modal.

Carta 3 : Nisbah Luar & Simpanan Inst. Kew. Dengan BNM



Kesimpulan

Ekonomi Malaysia telah tumbuh dengan lebih perlahan dalam tahun 2005 berbanding dengan tahun sebelumnya akibat permintaan luaran yang lemah.


Ekonomi telah berkembang di bawah paras optimum kerana lebih sumber telah meningkat berikutan perbelanjaan pelaburan yang sederhana.

Pada tahun 2006, KDNK sebenar dijangka akan berkembang lebih pantas pada kadar 5.5% berdasarkan prestasi permintaan dalaman dan luaran yang lebih baik. Prestasi eksport yang lebih baik akan meningkatkan pengeluaran, menambah penggunaan kapasiti dan pelaburan serta mengukuh import dan menambah inventori.

Penambahan eksport juga akan membawa kesan positif kepada penggunaan domestik berikutan suasana pekerja yang bertambah baik dan kenaikan dalam pendapatan. Pada masa yang sama, inflasi dijangka akan meningkat kepada paras 4.0% pada tahun ini dan akibatnya kadar faedah domestik perlu dilaras lebih tinggi. Namun, kenaikan kadar faedah tidak mencerminkan dasar kewangan yang mengekang kerana kadar faedah dijangka akan dilaras secara sederhana. Dalam pada itu, Ringgit dianggar akan terus mengukuh hingga ke paras 3.50 berbanding Dolar US. Ini akan mengurangkan kos import dan tekanan inflasi domestik yang sederhana.

Walaupun jurang antara OPR dan kadar Fed Fund meluas namun ia dijangka akan bertambah meluas berikutan penyelarasan kadar Fed Fund yang berterusan. Kadar Fed Fund dijangka terus naik dengan penambahan sebanyak 25 mata asas tahun ini kepada 5.0%. Dengan yang demikian OPR mungkin akan meningkat kepada 4.0% tahun ini untuk mengekalkan jurang sebanyak 125 mata asas berbanding kadar Fed Fund. OPR akan berada di atas paras neutral dan kadar inflasi merosot bawah paras 4.0% dalam separuh tahun kedua tahun ini.

Carta 4 : Kadar Faedah & Inflasi



Maklumat Kewangan Penting Kumpulan

	TAHUN BERAKHIR 31 MAC				SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER			
	RM Juta		Kadar Pertumbuhan +/(-)%		RM Juta		Kadar Pertumbuhan +/(-)%	
	2006	2005 [®]	2006	2005	2005	2004 [®]	2005	2004
Pendapatan operasi	4,976.8	4,485.3	11.0	1.4	2,456.8	2,150.3	14.3	0.9
Keuntungan operasi sebelum peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	1,484.8	1,263.1	17.6	4.5	719.1	523.1	37.5	(9.1)
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	774.7	770.5	0.5	(11.0)	322.0	262.4	22.7	(40.0)
Keuntungan sebelum pencukaian dan selepas bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	710.1	492.6	44.2	43.8	397.1	260.7	52.3	88.2
Keuntungan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti	365.5	204.0	79.2	(5.1)	207.2	111.7	85.5	(27.6)
Jumlah aset	72,260.6	62,114.2	16.3	2.9	66,901.7	60,297.1	11.0	2.3
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)	44,860.5	40,099.6	11.9	4.0	44,062.0	39,048.8	12.8	(0.6)
Deposit dan pinjaman	62,704.6	54,360.1	15.4	2.8	57,665.1	53,425.2	7.9	2.3
Penglibatan dan tanggungan luar jangka	37,310.4	23,944.9	55.8	28.0	29,749.4	21,167.8	40.5	13.2
Ekuiti pemegang saham	5,029.0	4,813.3	4.5	19.5	4,851.8	4,088.6	18.7	15.7
Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata ekuiti pemegang saham (%) [^]	11.2	7.0	59.6	46.9	13.2 **	9.2 **	43.8	>100.0
Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata jumlah aset (%)	1.1	0.8	31.4	39.7	1.2 **	0.9 **	42.5	83.3
Pendapatan asas sesaham								
– kasar (sen)	25.9	16.5	57.1	48.5	30.0 **	20.0 **	49.7	>100.0
– bersih (sen)	17.2	10.8	58.4	(19.5)	19.5 **	12.0 **	62.1	(41.5)
Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham								
– kasar (sen)	25.5	16.2	57.3	55.4	29.7 **	19.3 **	53.8	>100.0
– bersih (sen)	16.9	10.7	58.6	(15.7)	19.3 **	11.6 **	66.6	(41.9)
Dividen kasar sesaham	5.0	4.0	25.0	–	–	–	–	–
Liputan dividen bersih (Bil. kali)	4.8	3.3	43.4	(17.3)	–	–	–	–
Aset ketara bersih sesaham (RM)	2.12	2.01	5.2	(0.1)	2.04	2.05	(0.3)	(4.7)
Aset bersih sesaham (RM)	2.36	2.26	4.5	4.2	2.28	2.19	4.0	(5.6)
Overhed berbanding jumlah pendapatan (%)	41.0	39.7	3.5	7.1	41.4	44.1	(6.0)	25.7
Jumlah kakitangan	9,280	8,973	3.4	2.2	9,074	8,990	0.9	7.4
Aset setiap kakitangan (RM Juta)	7.8	6.9	12.5	0.6	7.4	6.7	9.9	(4.7)
Keuntungan sebelum pencukaian setiap kakitangan (RM'000)	76.5	54.9	39.4	40.6	87.5 **	58.0 **	50.9	75.1

Kajian Kewangan Lima Tahun Kumpulan

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC					
	2006	2005 ^o	2004	2003	2002
1 Pendapatan (RM Juta)					
i Pendapatan operasi	4,976.8	4,485.3	4,421.8	4,232.1	3,434.6
ii Keuntungan operasi sebelum peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	1,484.8	1,263.1	1,208.2	1,251.5	945.2
iii Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	774.7	770.5	865.6	887.3	467.1
iv Keuntungan sebelum pencukaian dan selepas bahagian syarikat-syarikat bersekutu	710.1	492.6	342.6	364.2	478.1
v Keuntungan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti	365.5	204.0	215.0	245.5	218.4
2 Kunci Kira-Kira (RM Juta)					
Aset					
i Jumlah aset	72,260.6	62,114.2	60,362.4	58,611.9	55,339.3
ii Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (bersih)	44,860.5	40,099.6	38,545.0	38,060.4	37,290.9
Tanggungjawab dan Ekuiti Pemegang Saham					
i Deposit dan pinjaman	62,704.6	54,360.1	52,872.0	52,536.4	49,574.5
ii Modal saham dibayar penuh	2,130.5	2,130.5	1,858.8	1,502.6 #	1,375.4 #
iii Ekuiti pemegang saham	5,029.0	4,813.3	4,028.5	3,393.4	2,593.6
Penglibatan dan Tanggungan Luar Jangka	37,310.4	23,944.9	18,708.7	15,941.2	18,506.9
3 Sesaham (Sen)					
i Pendapatan kasar asas	25.9	16.5	11.1	17.0 #	25.5 #
ii Pendapatan bersih asas	17.2	10.8	13.4	16.7 #	16.1 #
iii Pendapatan kasar tercair sepenuhnya	25.5	16.2	10.5	17.0 #	25.2 #
iv Pendapatan bersih tercair sepenuhnya	16.9	10.7	12.7	16.6 #	15.9 #
v Aset ketara bersih	211.8	201.4	201.6	206.2 #	168.6 #
vi Aset bersih	236.0	225.9	216.7	225.8 #	188.6 #
vii Dividen kasar	5.0	4.0	4.0	3.3 #	3.3 #
4 Nisbah Kewangan (%)					
i Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata ekuiti pemegang saham [^]	11.2	7.0	4.8	8.6	14.1
ii Pulangan sebelum pencukaian ke atas purata jumlah aset	1.1	0.8	0.6	0.6	1.0
iii Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berbanding deposit dan pinjaman	71.5	73.8	72.9	72.4	75.2
iv Overhead berbanding jumlah pendapatan	41.0	39.7	37.0 *	38.3 *	34.5 *
5 Harga Saham (RM)					
i Tinggi	2.91	3.92	4.22	4.16 #	3.80 #
ii Rendah	2.21	2.81	1.84	2.09 #	1.52 #
iii Pada 31 Mac	2.83	2.83	4.00	2.16 #	3.50 #

** Diselaraskan untuk setahun.

[^] Diselaraskan untuk kepentingan minoriti.


Diselaraskan untuk terbitan bonus.

^o Diselaraskan untuk mematuhi keperluan Pelarasan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ke atas Laporan Kewangan untuk Institusi-Institusi Berlesen yang telah diselaraskan secara retrospektif bagi satu tahun kewangan.


* Termasuk jumlah pendapatan dan overhead dana pemegang polisi nyawa.

Kajian Kewangan Lima Tahun Kumpulan


Ekuiti Pemegang Saham




Jumlah Aset



Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan – Bersih/Deposit dan Pinjaman



Keuntungan Selepas Pencukaian dan Kepentingan Minoriti



Takwim Kewangan

2005

16 Mei

Pengumuman keputusan disatukan yang diaudit dan dividen pertama dan akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

10 Ogos

Pengumuman keputusan disatukan sebelum diaudit bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2005.

2 September

Notis pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14, notis Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-17, notis kelayakan dan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai, dan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

26 September

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-17.

3 Oktober

Tarikh kelayakan dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai.

17 Oktober

Pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 4.0% tolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005.

18 November

Pengumuman keputusan disatukan sebelum diaudit bagi setengah tahun kewangan berakhir 30 September 2005.

2006

10 Februari

Pengumuman keputusan disatukan sebelum diaudit bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

31 Mei

Pengumuman keputusan disatukan yang diaudit dan dividen pertama dan akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

18 Julai

Notis pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-15, notis kelayakan dan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 5.0% tolak cukai, dan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

9 Ogos

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-15.